Pinjaman/Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Eksklusif Digital

TEMPOH KEMPEN

Kempen Eksklusif Digital Pinjaman Peribadi/Pembiayaan Peribadi-i ("Kempen") Hong Leong Bank Berhad (HLB) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLISB) (secara kolektifnya dirujuk sebagai "Bank") bermula pada 28 May 2018 dan berakhir pada 6 Julai 2018, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

TERMA & SYARAT ("T&S")

Berikut adalah terma dan syarat yang berkuat kuasa ke atas Kempen:-

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua individu Malaysia ("Pelanggan") yang memenuhi kriteria kelayakan:-
   a) Pekerja bergaji atau berkerja sendiri dengan pendapatan setahun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000.00);
   b) tidak mempunyai sebarang baki tunggakan sedia ada atas mana-mana Pinjaman Peribadi/ HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB;
   c) adalah pengguna berdaftar Hong Leong Connect;
   d) memohon untuk Pinjaman Peribadi HLB dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000) atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) sehingga Ringgit Malaysia Satu Ratus Lima Puluh Ribu (RM150,000) (kedua-dua Pinjaman Peribadi HLB dan Pembiayaan Peribadi-I HLISB dirujuk sebagai "Kemudahan") semasa Tempoh Kempen melalui Hong Leong Connect di www.hongleongconnect.my ("Hong Leong Connect") untuk tempoh pinjaman/pembiayaan dua hingga lima (2-5) tahun; dan
   e) Kemudahan yang diluluskan oleh Bank dibayar tidak lewat dari 31 Julai 2018.

2. Untuk tujuan kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria di Klausa 1 di atas akan ditakrifkan sebagai "Pelanggan Layak".

3. Mereka yang berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
   i. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan, perbuatan atau kesalahan yang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah

diisytiharkan muflis atau tertakluk kepada sebarang prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.

ii. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank sebagai berpotensi untuk melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di sini.

iii. Kakitangan tetap dan berkontrak Bank.

Mekanik Kempen

4. Pelanggan Layak yang memohon melalui Hong Leong Connect dengan kemudahan yang diluluskan dalam Tempoh Kempen dan dibayar tidak lewat dari 31 Julai 2018 akan dikenakan kadar faedah/keuntungan tetap tanpa mengira Tempoh Kemudahan dan Jumlah Kemudahan yang Diluluskan, diilustrasi seperti jadual berikut:

Jadual 1: Caj Kadar Faedah/Keuntungan

Jumlah Kemudahan diluluskan*	Kadar Faedah/Keuntungan (% rata setahun)	Tempoh sedia ada
RM5,000-RM250,000	6.00%	2-5 Tahun

Jadual 2: Ilustrasi Jumlah Faedah/Keuntungan yang dikenakan

Jumlah Kemudahan diluluskan (RM)*	Tempoh Kemudahan (Tahun)	Kadar Faedah/Keuntungan (setahun)	Jumlah Faedah/Keuntungan dibayar atas Tempooh Kemudahan (RM)	Ansuran Bulanan (RM)**
(a)	(b)	(c)	(d)=a*b*c	(e)=(a+d)/(b*12)
20,000	2	6.00%	2,400	933.33
50,000	2	6.00%	6,000	2,333.33
100,000	2	6.00%	12,000	4,666.67
150,000	2	6.00%	18,000	7,000.00
250,000	2	6.00%	30,000	11,666.67

*0.5% daripada jumlah Kemudahan akan ditolak dari Kemudahan untuk duti setem yang dikenakan atas Kemudahan. Kadar Faedah/Keuntungan efektif bergantung kepada Tempoh pinjaman/pembiayaan-i antara 10.85% sehingga 11.13% untuk tempoh dari 2 hingga 5 tahun.
**Ansuran akan dibundarkan ke RM5 terdekat.

Beg Galas Anti-kecurian ("Hadiah Penyerahan")

5. Hadiah Penyerahan terhad kepada 100 keping sepanjang tempoh kempen, pada dasar siapa cepat dia dapat. 100 Pelanggan Layak pertama yang menyerahkan permohonan untuk Kemudahan melalui Hong Leong Connect semasa Tempoh Kempen ("Pelanggan Sudah Layak") akan berhak untuk

maksimum satu (1) Hadiah Penyerahan sepanjang Tempoh Kempen, tidak mengira berapa jumlah Kemudahan yang dipohon.

6. Hadiah Penyerahan akan dihantar oleh GD Express Sdn Bhd ("GDEX"), (pembekal perkhidmatan kurier yang dilantik oleh Bank) kepada alamat Pelanggan Sudah Layak yang terkini dalam rekod Bank, dalam masa 60 hari dari tarikh permohonan dalam talian Pelanggan Sudah Layak ("Tarikh Penghantaran"). Jadi, adalah pada dasarnya kewajipan Pelanggan Sudah Layak untuk menyediakan nombor telefon dan alamat surat-menyurat yang terkini, sah dan tepat, kepada Bank dan Bank tidak bertanggungjawab sekiranya Pelanggan Sudah Layak tidak menerima Hadiah Penyerahan untuk apa-apa sebab.
7. Jika Pelanggan Sudah Layak tidak menerima Hadiah Penyerahan, Pelanggan Sudah Layak perlu memberi notis secara bertulis kepada Bank dalam tempoh 90 hari dari Tarikh Penghantaran, dan jika gagal berbuat demikian, Pelanggan Sudah Layak akan dianggap telah menerima Hadiah Penyerahan, atau Hadiah Penyerahan sudah ditebus sepenuhnya. Bank tidak bertanggungjawab jika Hadiah Penyerahan tidak diterima dan tidak akan mengganti / membayar balik Hadiah Penyerahan yang lain kepada Pelanggan Sudah Layak.
8. Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah Penyerahan kepada Pelanggan Sudah Layak dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan Hadiah Penyerahan yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan bahan atau mutu kerja oleh pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya). Pelanggan Sudah Layak hendaklah, dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri, berurusan terus dengan NL Apex Marketing Sdn Bhd (1231949-K). ("Pembekal Hadiah Penyerahan") untuk sebarang aduan, pertikaian atau tuntutan berhubung Hadiah Penyerahan tanpa tuntutan kepada Bank.

Promosi Hadiah Tunai ("Bonus Sambutan")

9. 150 Pelanggan Layak yang pertama dengan kemudahan yang diluluskan dan dibayar dengan jumlah minima Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) ke atas sebelum 31 July 2018 ("Pelanggan Berjaya") akan berhak menerima RM200 tunai dibayar ke akaun pembayaran mereka yang dinyatakan dalam permohonan mereka di Hong Leong Connect ("Bonus Sambutan"). Jadi, adalah pada dasarnya kewajipan Pelanggan Berjaya untuk memberi maklumat akaun pembayaran yang terkini, sah dan tepat kepada Bank.
10. Sejumlah 150 Bonus Sambutan akan diberi sepanjang Tempoh Kempen, pada dasar siapa cepat dia dapat.

11. Bonus Sambutan adalah terhad pada satu(1) untuk setiap Pelanggan Berjaya tidak mengira jumlah permohonan Kemudahan yang diserahkan sepanjang Tempoh Kempen.
12. Pelanggan Berjaya akan menerima Bonus Sambutan dalam masa 60 hari dari akhir Tempoh Kempen (Tarikh Penghantaran"). Sekiranya Pelanggan Berjaya tidak menerima Bonus Sambutan, Pelanggan Berjaya harus memaklumkan pihak Bank dalam masa 90 hari dari Tempoh Penghantaran secara bertulis, dan jika gagal berbuat demikian, Pelanggan Berjaya dianggap telah menerima Bonus Sambutan. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan untuk menerima Bonus Sambutan dan tidak akan mengganti atau memulangkan Bonus Sambutan lain kepada Pelanggan Berjaya.

UMUM

13. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan:

(i) bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami T&S ini dan T&S untuk HLB Pinjaman Peribadi/HLISB Pembiayaan Peribadi-i dan bersetuju untuk terikat dengannya;

(ii) bersetuju untuk melayari Laman Sesawang Bank www.hlb.com.my or www.hlisb.com.my pada selang masa kerap untuk menyemak T&S, dan untuk memastikan mereka mengetahui maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau variasi kepada T&S;

(iii) bersetuju untuk memberikan semua dokumen yang relevan seperti yang diminta oleh Bank tepat pada masanya agar Kemudahan itu diluluskan dan dikeluarkan pada 31 July 2018 dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kemudahan tidak boleh dikeluarkan pada 31 July 2018 atas apa jua sebab;

(iv) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas semua Pelanggan dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan tersebut tidak akan dilayan;

(v) bersetuju bahawa Bank diberi kuasa untuk memberi butiran Pelanggan Sudah Layak (contohnya nama, alamat, alamat e-mel dan nombor telefon) kepada Pembekal Hadiah Penyerahan dan GDEX untuk tujuan pemenuhan Kempen ini;

(vi) Bersetuju bahawa Bank akan menggunakan alamat rumah atau pejabat terkini dalam system Bank yang diberikan oleh Pelanggan Sudah Layak dan ia adalah kewajipan mereka untuk memberi alamat surat-menyurat dan nombor telefon yang terkini, sah dan tepat kepada Bank dan Bank tidak bertanggungjawab jika Bank tidak boleh menghubungi Pelanggan Sudah Layak untuk apa-apa sebab;

(vii) bersetuju bahawa mereka akan bertanggungjawab dan secara peribadi akan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Kempen;

(viii) bersetuju dan mengakui bahawa Hadiah Penyerahan tidak boleh ditukarganti untuk tunai, kredit atau apa-apa bentuk sekalipun; dan

(ix) membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan nama, nombor telefon dan alamat Pelanggan Sudah Layak kepada Pemberi Hadiah Penyerahan untuk memenuhi Hadiah Penyerahan.

14. Bank berhak untuk:

(i) menolak mana-mana permohonan Kemudahan yang diserahkan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan sebarang sebab;

(ii) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini mengikut budi bicara mutlaknya;

(iii) menarik balik Hadiah Penyerahan jika terdapat sebarang ketidak patuhan kepada T & S yang tertera;

(iv) menukarganti Bonus Sambutan dengan hadiah alternatif yang mempunyai nilai setanding, mengikut budi-bicara mutlaknya tanpa sebarang notis pemberitahuan; dan

(v) menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terdapat di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, atau untuk menamatkan Kempen ini atas budi bicara mutlaknya, dengan cara memaparkannya di Laman Sesawang HLB, atau menggunakan sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh Bank.

15. Hadiah Penyerahan yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan / atau laman web hanya ditunjukkan untuk tujuan ilustrasi sahaja. Mana-mana alat, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah Penyerahan dalam sebarang iklan, promosi, publisiti dan bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan tidak menjadi sebahagian daripada Hadiah Penyerahan.

16. T&S yang terkandung di sini dan terma dan syarat yang mengawalselia Pinjaman Peribadi/ HLISB Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong hendaklah dibaca sebagai perjanjian menyeluruh. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S Kempen ini dengan terma dan syarat yang mengawalselia

Pinjaman Peribadi/ HLISB Pembiayaan Peribadi-I Hong Leong, T&S spesifik di sini akan berkuat kuasa setakat percanggahan tersebut.

17. Sekiranya terdapat percanggahan di antara T&S di sini berbanding sebarang bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan sebarang bahan lain yang berkaitan dengan atau mengenai Kempen ini, T&S muktamad di Laman Sesawang HLB akan berkuat kuasa.
18. Terma dan syarat yang terkandung di sini dikawalselia oleh dan dibentuk berdasarkan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
19. Perkataan yang menggambarkan satu jantina termasuklah semua jantina dan kata-kata lain yang menandakan singular termasuk jamak dan sebaliknya.